



## SIARAN MEDIA

### MyCC MENGALU-ALUKAN AHLI BARU JAWATANKUASA KHAS

**KUALA LUMPUR, 19 Disember 2017** – Jawatankuasa Khas Persaingan bersidang buat kali kedua pada 2017. Pembentukan Jawatankuasa ini adalah inisiatif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan objektif untuk membincangkan isu berkaitan undang-undang dan dasar persaingan.

Bilangan anggota Jawatankuasa telah meningkat kepada sembilan baru-baru ini dengan kemasukan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Lapan anggota lain adalah MyCC, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

Dato' Abu Samah Shabudin, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC berkata, "Kemasukan MyIPO adalah tindakan yang tepat pada masanya. MyCC kini sedang dalam usaha merangka Garis Panduan mengenai Harta Intelek (IP) dan Persaingan, dan merancang untuk menerbitkannya pada tahun hadapan. Dengan input daripada MyIPO, saya yakin garis panduan itu akan memberi panduan yang baik untuk menangani isu konflik antara Persaingan dan Harta Intelek".

Dalam mesyuarat yang sama, ST dan MAVCOM menyatakan akan mengeluarkan garis panduan berhubung perkara-perkara berkaitan Persaingan dan MAVCOM akan menerbitkan beberapa garis panduan awal tahun hadapan.

Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh MyCC itu telah diwakili oleh Pengerusinya, YB Datuk Che Mohamad Zulkifly B. Jusoh dan Anggota-anggota Suruhanjaya.

--tamat--



**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**MEJA BERITA/EKONOMI**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [noorliza@mycc.gov.my](mailto:noorliza@mycc.gov.my)

**Bahagian Hal Ehwal Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).